

Projek perumahan kaum India

MIC tubuh syarikat beli tanah

KOTA BHARU, Ahad — Presiden MIC Datuk Samy Velu mengumumkan MIC akan menubuhkan syarikat 'Properties Trust Holdings' untuk menjalankan aktiviti membeli tanah dan mengadakan projek perumahan untuk kaum India di negara ini.

Beliau yang juga Menteri Kerja Raya dan Kemudahan Awam berkata melalui syarikat itu MIC bercadang mencari tanah sesuai untuk projek perumahan kos rendah bagi menampung keperluan perumahan.

Ketika berucap di mesyuarat agung perwakilan MIC Kelantan di sini petang kelmarin Datuk Samy Velu berkata 23 peratus dari projek itu akan diberi kepada bumiputera.

Beliau meminta kerajaan negeri memberi perhatian kepada kaum India mendapatkan kemudahan dari projek perumahan dan lain-lain yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Beliau juga menggesa pengurus-pengurus ladang menyediakan skim perumahan untuk pekerja mereka dengan kerjasama kerajaan negeri.

Katanya setakat ini skim seumpama itu telah pun dijalankan di Selangor, Perak

dan Kedah.

Datuk Samy Vellu memberitahu MIC pusat telah mengeluarkan antara \$5,000 hingga \$6,000 sebagai biasiswa kepada pelajar melalui MIC Kelantan.

Beliau memberitahu tabung pelaburan kedua MIC yang dilancarkan 15 Mei lalu berjaya mengumpul \$6 juta dari masyarakat India di seluruh negara sehingga hujung bulan lalu.

"MIC berharap dapat mengumpul \$10 juta dalam masa 10 hari apabila tabung pelaburan ketiga dilancarkan nanti," tambahnya.

Mesyuarat itu dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan Datuk Haji Mohamad Yaacob.

Datuk Samy Vellu berkata jawatankuasa kabinet memberi persetujuan bertulis memberi peluang yang sama kepada masyarakat India dalam pembelian rumah di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Dalam ucapannya, Datuk Haji Mohamad pula berkata kerajaan negeri akan memberikan pertimbangan sekiranya ada pelajar kaum India memohon biasiswa dari kerajaan untuk melanjutkan pelajaran.

Kerajaan tidak membezakan di antara penduduk Melayu dengan India di negeri ini kerana mereka juga adalah rakyat Kelantan, jelasnya.

Datuk Haji Mohamad juga menyeru perwakilan MIC itu terus memberikan sokongan kepada kerajaan yang memerintah hari ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia